

Pencemaran Udara : Manusia Menjadi Penyebab
Oleh : Mohd Asri Bin Morni
SMK Agama Sibu

Pencemaran udara dikaitkan dengan bahan-bahan sintetik dan lain-lain kotoran berbahaya yang meresap dan menjadi sebahagian daripada udara disekeliling kita. Terdapat banyak punca yang menyebabkan kualiti udara kita menurun yang disebabkan oleh manusia itu sendiri.

Antara punca pencemaran udara yang disebabkan oleh manusia ialah kegiatan perindustrian. Persekitaran seperti pengeluaran asap berlebihan dan habuk dari kilang-kilang menyebabkan udara disekeliling kita tercemar oleh partikal-partikal halus logam berat yang keluar dari corong asap kilang. Udara yang mengandungi partikal-partikal tersebut akan disedut oleh manusia dan seterusnya menyebabkan berlakunya penipisan ozon dan kesan rumah hijau. Oleh itu, pihak berkenaan seperti peneraju kilang perlukan perhatian akan hal ini, kerana ia akan menimbulkan banyak masalah pada persekitaran kita.

Pembakaran hutan secara terbuka dan besar-besaran juga antara salah satu faktor kepada pencemaran udara. Pembakaran hutan yang berlaku di Indonesia menyebabkan udara di negara kita juga tercemar. Sikap tidak bermoral ini secara tidak langsung membawa kesusahan kepada orang lain apabila gas karbon monoksia terbebas ke udara hasil kegiatan pembakaran terbuka ini. Contohnya, berlaku jerebu. Justeru itu, kesedaran terhadap penjagaan persekitaran perlulah ada dalam diri seseorang agar masalah ini dapat dikurangkan.

Pembalakan haram yang dilakukan oleh manusia secara tidak langsung juga menjadi faktor kepada udara disekeliling kita tercemar. Kekurangan pokok-pokok menyebabkan kandungan oksigen udara kita semakin merosot. Apatah lagi apabila pencemaran udara berlaku. Tumbuhan hijau, seperti pokok-pokok terutamanya menjadi sumber utama kepada udara yang berkualiti. Jika pembalakan haram ini terus berleluasa, sumber kepada udara bersih kita juga akan berkurangan.

Tuntasnya, aktiviti seperti ini perlu dihentikan demi untuk menjaga persekitaran kita.

Pencemaran udara juga berpunca daripada penggunaan bahan-bahan beracun dalam kehidupan seharian manusia, sebagai contoh, penggunaan racun penyembur rumput, racun pembunuh nyamuk dan sebagainya boleh menjejaskan kualiti udara kita jika digunakan secara berlebihan. Kandungan bahan beracun seperti rodentisid, insektisid dan naftalin ini boleh mencemarkan udara apabila terbebas ke udara semasa manusia menggunakannya. Jelas bahawa manusia boleh menjadi agen utama pencemaran udara.

Secara kesimpulannya, penggunaan bahan-bahan seperti ini perlu dikurangkan untuk menjamin kualiti udara yang bersih. Pencemaran udara yang disebabkan oleh manusia akan membahayakan nyawa manusia itu sendiri. Oleh itu, semua pihak haruslah bekerjasama dalam mengatasi masalah pencemaran udara ini agar kehidupan seharian kita akan lebih sihat dan bersih.

Warga tua semakin ramai di negara ini ekoran tahap kesihatan negara yang semakin baik. Cuma jumlah yang banyak ini telah menimbulkan pelbagai masalah pula.

Nyatakan langkah-langkah yang patut dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan kehidupan warga tua semakin baik.

Warga emas merupakan golongan yang semakin ramai di negara ini kerana tahap kesihatan negara yang semakin baik. Jadi tidak hairanlah kalau kita sering ternampak warga emas ini. Namun, keadaan ini turut menyebabkan kita terdesak untuk mencari jalan membantu golongan ini semakin ramai supaya mereka mampu menikmati kehidupan dengan lebih baik. Apakah langkah-langkah yang mampu kita lakukan dalam isu ini?

Kerajaan seharusnya memberi mereka lebih banyak insentif dalam menjalani kehidupan harian. Tambang separuh harga untuk pengangkutan awam negara merupakan satu langkah awal. Begitu juga dengan pengangkutan udara dan kereta api. Dalam perkhidmatan kesihatan, kerajaan seharusnya memberikan potongan harga atau rawatan percuma kepada golongan ini dalam penyakit-penyakit tertentu. Maka, langkah ini mampu memberi keselesaan hidup kepada warga emas ini.

Malah, kerajaan harus menyediakan lebih banyak rumah khas untuk warga tua ini. Rumah yang dibina mestilah sesuai dengan mereka yang memerlukan kawasan yang luas, berhampiran taman, laut atau dilengkapi kemudahan kesihatan yang lengkap. Rumah yang disediakan ini harus secara percuma dan didiami oleh beberapa warga tua yang lain untuk menjadikan suasana di rumah itu lebih ceria dan menarik. Reka bentuk rumah tersebut haruslah moden dan tidak nampak membosankan.

Selain itu, kerajaan harus mengadakan satu majlis khas atau tarikh untuk warga emas ini. Pada hari yang sudah diumumkan cuti umum itu, kerajaan perlulah mengadakan pelbagai aktiviti yang bercorak warga emas. Aktiviti beramah mesra dengan generasi muda harus dijalankan terutama untuk memberi kesedaran betapa warga emas dan muda saling memerlukan antara mereka. Interaksi ini turut memberi remaja satu peluang mendengar pengalaman yang dialami oleh warga emas.

Lantaran itu, kerajaan perlu mengadakan program bercorak ekonomi yang mampu menjana pendapatan kepada warga emas ini. Pendapatan itu pula boleh disalurkan untuk kepentingan warga tersebut. Semua aktiviti yang dijalankan mestilah bersesuaian dengan keadaan fizikal warga emas. Langkah ini turut menjadikan kehidupan mereka lebih menarik dan tidak membosankan. Warga emas turut berpeluang untuk menggunakan idea mereka ke arah sesuatu yang lebih bermakna.

Jadi, warga emas seharusnya dibelai dan dihormati oleh semua lapisan masyarakat. Warga emas mempunyai satu pengalaman yang mampu dipelajari oleh semua orang. Warga emas mampu memberi nasihat dan pandangan terhadap sesuatu perkara yang berlaku kerana mereka telah mengalami semua perkara yang bakal dialami oleh masyarakat. Kita harus menjaga warga emas setelah mereka menjaga kita selama ini.

Hakisan Tanah : Faktor Manusia & Semulajadi
JAFIRA DALINA BT JABRI
SMK Agama Sibu

Bencana hakisan merupakan satu fenomena yang serius seperti kejadian tanah runtuh di Kampung Pos Dipang, Kampar, Perak pada 1996 dan hakisan yang berlaku di Sungai Kayu Ara, memerlukan satu pendekatan yang dinamik dan menyeluruh. Fenomena ini merupakan rentetan daripada kegagalan pelbagai tindak balas alam secara semulajadi dan juga kegiatan manusia. Kaedah pengawalan serta penyelenggaraan dan juga aspek pengurusan yang kurang mengambil berat tentang risiko jangka masa panjang mengakibatkan pelbagai kejadian runtuh cerun berlaku di merata-rata tempat di dunia.

Aktiviti penebangan hutan dan penggondolan tanah. Tujuannya ialah untuk pembangunan tetapi sebenarnya aktiviti ini telah menyebabkan tanah kehilangan kekuatan dan apabila kadar hujan tinggi maka akan berlaku gelongsoran disebabkan oleh aktiviti air larian permukaan. Permukaan tanah juga menerima hujan secara terus atau langsung dengan kelajuan yang tinggi apabila tiada tumbuhan yang menghalangnya. Ini akan menyebabkan berlakunya percikan dan seterusnya berlaku gelongsoran tanah.

Aktiviti pembangunan yang dilakukan di tanah tinggi dan cerun bagi tujuan ekonomi dan petempatan. Cerun-cerun diteras dan tidak dilakukan secara betul. Pengurusan cerun yang lemah seperti melakukan potongan cerun secara menegak dan tiada sistem perparitan yang baik bagi tujuan pengaliran air serta tidak dibuat tanaman tutup bumi bagi mengelakkan hakisan permukaan. Kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa berpunca daripada aliran air dalam tanah yang pada asalnya ditambah di kawasan itu menyebabkan tebing konkrit pada bahagian tebing pecah.

Hakisan dan gelongsoran tanah berlaku akibat daripada berlakunya fenomena ini, iaitu tanah menjadi longgar dan menggelongsor ke bawah. Struktur tanah menjadi berubah dan membentuk permukaan baru akibat faktor mampatan dan rengangan oleh gerakan gempa bumi. Hasilnya akan berlaku masalah runtuh dan hakisan bagi kawasan terbabit.

Kadar hujan yang tinggi juga menyumbang kepada hakisan dan gelongsoran tanah. Ini berlaku akibat kandungan air dalam tanah menjadi tepu dan tanah tidak dapat menerima jumlah air yang berlebihan. Di negara kita tanah runtuh kerap berlaku akibat hujan kerana curahan hujan yang banyak boleh menyebabkan tanah menjadi tepu serta licin lalu terjadi cerun curam. Perkara tersebut akan menyebabkan berlakunya air larian permukaan yang mengangkut tanah dan seterusnya menyumbang kepada hakisan permukaan tanah dan akan berlakunya gelongsoran tanah.

Kajian mengenai hakisan dan runtuh tanah perlulah dilihat dari sudut kepentingan

keseimbangan ekologi dan ekosistem alam serta kepentingan kepada manusia. Manusia perlu mengambil inisiatif dalam pengurusan cerun yang sistematik dan terperinci agar kemusnahan alam semula jadi lebih terkawal. Perkara tersebut juga menentukan keselamatan sejagat bagi mengelakkan kehilangan jiwa, harta, benda, serta kemudahan awam.

TUGASAN 1

Seni mempertahankan diri dapat membentuk masyarakat Malaysia yang berdisiplin. Jelaskan faedah-faedah mempelajari seni mempertahankan diri dan cadangkan langkah-langkah untuk mengembangkan seni mempertahankan diri.

PENGENALAN - Punca-punca seni mempertahankan diri dilupakan. Kesan jika seni mempertahankan diri tidak dipelajari. Contoh seni mempertahankan diri.

PERENGGAN ISI. - FAEDAH-FAEDAH

1. Membentuk rakyat Malaysia yang berdisiplin
2. Mempertahankan diri apabila berada nyawa dan keselamatan diri terancam.
3. Menyihatkan badan.
4. Mempopularkan seni mempertahankan diri warisan bangsa.
5. Tarikan untuk sektor pelancongan.
6. Dijadikan satu industri perniagaan yang berdaya maju

PERENGGAN ISI – LANGKAH MENGEMBANGKAN.

1. Membuka persatuan seni mempertahankan diri di sekolah.
2. Pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
3. Media massa